

Berita Negeri

Terengganu



Kejohanan Sulung Golf ROADCARE/IEM

Wan Ghazali Md Noor

Ir. En Ahmad Nazri Asahari berjaya muncul sebagai johan keseluruhan IEM/Roadcare Golf Tournament 2002. Bertempat di Kuala Terengganu Golf Resort, ia telah diadakan buat julung kalinya pada hari Sabtu, 16 hb Mac 2002.

Naib johan keseluruhan jatuh kepada En. Ruzman Ismail dan tempat ketiga jatuh kepada Ir. Che Kamaruddin Bahar. Bagi kategori Roadcare (M) Sdn Bhd, Johan tertutup dimenangi oleh En Ruzman Ismail, Pengurus Kawasan Kuala Terengganu. Naib Johan jatuh kepada Ketua Pegawai Operasi syarikat, Tuan Haji Mhd Najili Sojo manakala tempat ketiga dimenangi oleh En. Jamal Dato' Hj Nasir, Pengurus Wilayah Pahang.

Tujuan pertandingan Golf ini diadakan ialah untuk mengeratkan silaturahim sesama ahli Institut Jurutera Malaysia. Turut menyertai pertandingan tersebut ialah Pengarah Kerja Raya Negeri

Terengganu, Tuan Ir. Hj Mohamad b. Husin; Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Tuan Ir Hj Wan Ngah Ali; Pengarah Babena Sdn Bhd, Ir Tengku Ismail Tengku Jaafar; Tmbalan Pengarah Kerja Raya Terengganu, Tuan Ir. Hj Zamri B. Darus dan Penolong Pengarah UPPJ Terengganu, En Zaid b. Ali. Jurutera-jurutera daerah, pegawai-pegawai kanan JKR, pengarah-pengarah syarikat swasta, Pengurus Wilayah Roadcare Terengganu, serta ramai lagi tidak ketinggalan mengambil bahagian.

Selepas pertandingan, satu majlis makan tengahari telah diadakan di kelab tersebut dan diselang-seli dengan acara penyampaian hadiah kepada peserta-peserta. Upacara penyampaian hadiah disempurnakan oleh Tuan Pengarah Kerja Raya Negeri dan Timbalannya. Tuan Hj Mhd Najili sendiri bertindak sebagai pengacara majlis yang tamat kira-kira jam 3.00 petang.

SR

MAJLIS BUBUR ASYURA 2002

Oleh Wan Ghazali Md Noor

Roadcare Wilayah Terengganu telah mengadakan satu majlis menyediakan dan membahagi Bubur Asyura yang dianggap antara yang terbesar di Terengganu. Ia melibatkan 20 kawah besar.

Majlis Bubur Asyura 2002 ini telah di adakan di perkarangan bengkel Roadcare Wilayah Terengganu pada sebelah petang 6hb. April 2002 bersamaan 23 Muharam 1423 Hijrah.

Salah satu tradisi umat Islam di negeri ini, penyediaan Bubur Asyura dikaitkan dengan sejarah Nabi Noh A.S. Semasa di atas bahtera baginda untuk menyelamatkan diri bersama pengikutnya yang setia dari banjir besar, Nabi Noh A.S. telah mengarahkan mereka supaya mengumpulkan semua benda yang boleh dimakan seperti jagung, binatang ternakan, gandum dan sebagainya untuk dibuat bubur. Setelah dimasak, maka terhasillah bubur Asyura.


Dianggarkan lebih kurang 350 orang telah hadir pada majlis Bubur Asyura anjuran Roadcare yang bermula pada sebelah petang 6hb April dan berakhir jam 3.00 pagi keesokannya.

Penyediaan bubur tersebut telah melibatkan lebihkurang 250 orang untuk menjayakannya. Ianya mendapat sambutan yang luar biasa dimana semua kakitangan Roadcare, penduduk-penduduk sekitar, rakan niaga termasuk pekerja mereka dan keluarga masing-masing dan juga wakil dari Roadcare Kuantan, Encik Rohisyam Abu Bakar, telah hadir bagi menjayakan acara tersebut.

Pembahagian Bubur Asyura telah dibuat pada sebelah pagi 7 hb. April 2002 kepada semua penduduk yang berjiran dengan pejabat Roadcare Wilayah Terengganu dan juga kepada semua pejabat yang berkait rapat dengan Roadcare dari seluruh Terengganu. Sebahagiannya juga telah diagihkan ke Kuala Lumpur.

Selaku Penaung majlis, Pengurus Wilayah Terengganu, Encik Mohd Norli Md. Saleh merakamkan ucapan terima kasih beliau kepada semua yang terlibat pada akhir majlis tersebut dan beliau ada membayangkan kemungkinan Majlis Asyura akan dijadikan acara tahunan memandangkan sambutan yang menggalakan. Di samping itu, ia boleh mengeratkan lagi hubungan di antara sesama kakitangan serta dengan penduduk setempat dan juga rakan niaga. **SR**

▼ Pengurus Wilayah Terengganu, Encik Mohd Norli Md. Saleh, dan Pengurus Kawasan K. Terengganu, Encik Ruzman Ismail, sedang mengacau Bubur Asyura.



▲ Giliran Encik Mohd Norli dan Encik Tolhah Taib, Pengurus Kawasan Kerteh, pula mengacau bubur!